

# KERATAN AKHBAR

---

TARIKH : 19 JULAI 2023  
AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA  
MUKA SURAT : 37

## JSSEZ tingkat pelaburan, pekerjaan berkualiti di Johor

### JSSEZ tingkat pelaburan, pekerjaan berkualiti di Johor

---

**PETALING JAYA:** Zon ekonomi khas Johor-Singapura (JSSEZ) bakal meningkatkan pelaburan dan pekerjaan berkualiti tinggi di Johor dan Singapura dengan memudahkan aliran pergerakan manusia, barangan dan perniagaan.

Sehubungan itu, Mesyuarat Jawatankuasa Bersama Peringkat Menteri Malaysia-Singapura untuk Iskandar Malaysia (JM-CIM) telah bersetuju mewujudkan pasukan petugas khas bagi mengkaji penubuhan JSSEZ.

Perkara itu diumumkan Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli keti-

ka mengetahui delegasi Malaysia ke Singapura bagi menghadiri JMCIM ke-16, baru-baru ini.

Mesyuarat tersebut turut dihadiri Menteri Pembangunan Negara (Singapura), Desmond Lee; Pemangku Menteri Pengangkutan (Singapura), Chee Hong Tat dan Menteri Besar Johor, Datuk Onn Hafiz Ghazi.

Menurut Rafizi, pasukan petugas khas itu akan diterajui oleh Kementerian Ekonomi dari Malaysia dan Kementerian Perdagangan dan Industri Singapura, dengan sokongan daripada agensi kerajaan lain.

“Kementerian Ekonomi akan terus mengambil sikap terbuka terhadap kerjasama serantau terutamanya dalam bidang ekonomi, bakat, dan teknologi,” katanya dalam kenyataan.

Beliau turut berpeluang bertemu pemain-pemain industri strategik termasuk syarikat-syarikat semikonduktor antarabangsa yang mempunyai kepakaran dalam komponen *frontend*, *backend* dan reka bentuk.

“Kementerian Ekonomi bersama Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri

(MITI) dan Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) telah mengadakan sesi dialog dengan syarikat-syarikat semikonduktor seperti Micron, Infineon Technologies, ST Microelectronics, Venture Corporation dan Synopsys untuk melakar visi strategik industri semikonduktor di Malaysia.

“Industri semikonduktor dianggarkan mencecah AS\$1 trilion pada 2030 akibat peningkatan permintaan global.

“Oleh itu, penentuan visi strategik yang dapat menggunakan kelebihan sedia ada kita,

terutamanya dalam *backend* dan reka bentuk litar bersepadu (*integrated circuit design*), mampu mewujudkan pekerjaan yang bergaji dan bernilai tinggi,” ujarnya.

Rafizi memberitahu, pihaknya juga telah bertemu dengan pelabur-pelabur institusi yang mempunyai aset di bawah pengurusan antara RM180 bilion dan RM3.2 trilion, dan bertukar pandangan tentang situasi ekonomi dan politik semasa, di samping berkongsi pelan-pelan kementerian untuk tahun-tahun mendatang.